

02 APR 2002

SKYMALL-PUSAT BELI-BELAH

KONSEP BARU MEMBELI-BELAH DIPERKENALKAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 2 April (Bernama) -- DR Group Holdings Sdn Bhd akan memperkenalkan satu konsep baru membeli-belah di bawah satu bumbung di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di sini melalui pendekatan jaminan harga dan barangan berkualiti.

Pengarah Urusannya Datuk Dahlan Rashid berkata syarikat itu melabur lebih RM3 juta bagi menyediakan suasana membeli-belah yang kondusif dengan pelbagai barangan berjenama terus dari pembekal dengan harga yang berpatutan.

Pusat membeli-belah bebas cukai Skymall itu yang mula beroperasi awal tahun ini akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat ini.

Syarikat itu telah menyerap perkhidmatan 30 operator kedai yang beroperasi di sekitar lapangan terbang tersebut dan mengambil alih operasi di situ untuk menyediakan suasana membeli belah setempat tanpa perlu keluar masuk kedai yang berasingan, katanya kepada para pemberita di sini, hari ini.

Pusat membeli-belah itu terdiri daripada daripada kedai menjual pelbagai jenis jenama minyak wangi (seluas 232.25 meter persegi (2,500 kaki persegi) yang terbesar dan lengkap di wilayah utara, kedai coklat pelbagai jenama, kedai fesyen pakaian berjenama dan lain-lain barangan berjenama eksklusif yang tidak terdapat di gedung-gedung lain.

Beliau memberi jaminan harga barangan di situ adalah lebih murah dari bandar besar lain terutama apabila luar daripada musim jualan murah.

"Saya percaya konsep kedai seumpama ini yang merupakan idea bersama dengan Malaysia Airports Berhad pada suatu hari nanti akan diperkenalkan di lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)", katanya.

Konsep itu dijangka menarik pelancong seperti dari Jepun, Korea dan Taiwan untuk membeli belah selaras dengan matlamat menaikkan imej Langkawi sebagai destinasi pelancongan di rantau ini untuk bersaing dengan pusat pelancongan lain di rantau ini seperti Phuket di Thailand, Bali di Indonesia, Singapura dan Pulau Pinang.

Dahlan berkata mengikut perjanjian dengan MAB, syarikat itu juga akan menganjurkan pelbagai persembahan termasuk pertunjukan seni, pameran, promosi di sekitar pusat membeli belah itu sebagai satu lagi tarikan kepada pelancong di lapangan terbang.

DR Group Holdings mula bertapak di sini sejak 1980-an di kawasan seluas 8 meter persegi dengan hanya menjual minyak wangi di lapangan terbang lama dan setelah Langkawi mendapat status bebas cukai, syarikat itu memperluaskan perniagaannya dengan pelaburan RM12 juta membangunkan kompleks Jetty Point di Jeti Kuah. -- BERNAMA

NH ZK